



EON

Epitome of Nature



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**
SRIKANDI TEKNOLOGI

OMEGA-3
PERANAN IKAN

**MAKMAL
MEGA**
*PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL*

CANVA
*MAKMAL
KOMPUTER MAYA?*


**TEKNOLOGI
PLASTIK**
APAKAH KESANNYA?

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

EON Inspirasi

Edisi

Ts Dr Nor'Aishah
Hasan

**SRIKANDI TEKNOLOGI
PUSAT PENGAJIAN
BIOLOGI**

Oleh

NURSYAZNI BINTI ABDUL RAHIM

Pusat Pengajian Biologi,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

syaznirahim@uitm.edu.my

EDITOR: DR NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN



Ts Dr Nor'Aishah Hasan

“Kenapa macam susah hati sahaja? Oh ya, saya Aishah.” Soal beliau lagi sambil menghulurkan tangan untuk berjabat salam. Usai salamnya disambut, penulis terus meluahkan apa yang terbuku dalam hati sedari tadi. Aura kemesraan yang dibawa oleh beliau membuatkan penulis tidak lagi kekok dan segan.

“Marilah ke pejabat saya, saya berikan fail saya, boleh dijadikan contoh,” pelawa beliau sambil meneruskan perbualan ke topik yang lain. Itulah detik pertemuan dan perkenalan penulis dengan seorang individu yang amat penulis kagumi sehingga kini; Ts Dr Nor'aishah Hasan.

Boleh dikatakan, keramahan dan sifat mudah mesra yang sering dipamerkan oleh Ts Dr Nor'Aishah Hasan (lebih dikenali sebagai Dr Aishah di kalangan rakan-rakan) telah menjadi sesuatu yang amat disenangi oleh orang sekeliling. Erti kekok, malu dan segan boleh lenyap menjadi debu apabila perlu berurusan dengan anak jati Kuala Lumpur yang tidak sesekali lokek dengan ilmu ini.

Dalam usia yang masih muda, Dr Aishah boleh diibaratkan umpama seorang srikandi yang penuh semangat dalam menempa nama dalam dunia teknologi samada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Tanpa mengenal erti putus asa, penat dan lelah, Dr Aishah terus maju ke hadapan menyusur langkah dalam bidang bioteknologi yang diceburinya.

Masih segar dalam ingatan penulis memori sewaktu di awal waktu penulis melaporkan diri sebagai salah seorang tenaga pengajar di UiTM Kampus Kuala Pilah. Ketika itu, penulis masih malu-malu dan masih tidak begitu mengenali rakan-rakan pensyarah yang lain. Apabila mendapat tugas menyediakan Fail Portfolio Pengajaran, penulis buntu. Tidak tahu hendak mula dari mana. Termenung sendirian penulis ketika menaiki lif untuk ke pejabat sehingga tidak sedar ada sosok tubuh yang memerhati.

“Syazni, ya? Pensyarah biologi yang baru lapor diri itu, bukan?” Sapa satu suara yang nadanya ramah dan mesra.

“Ya, saya. PTFT.” Ujar penulis. PTFT adalah ringkasan yang kerap diguna untuk menerangkan maksud Pensyarah Separuh Masa Sepenuh Masa, di mana ketika itu penulis masih seorang tenaga pengajar berstatus kontrak.

Perjalanan Dr Aishah dalam bidang bioteknologi bermula sejak beliau mendapat tawaran untuk menjadi mahasiswa Sarjana Muda Sains Gunaan Bioteknologi di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2002. Ketika itulah, minat beliau terhadap sains dan teknologi semakin berkembang mekar. Terasa serasi dan sehati untuk menelaah ilmu-ilmu biologi, Dr Aishah meneruskan eksplorasi minatnya ke peringkat pengajian seterusnya; Sarjana Bioteknologi di Universiti Malaya pada 2006.

Jika orang lain, termasuklah penulis sendiri, hanya cukup dengan satu sarjana, tetapi tidak bagi Dr Aishah kerana beliau adalah individu yang cukup sukakan cabaran. Perjalanan menjejaki ilmu teknologi dalam biologi diteruskan sehingga keluar negara. Pepatah dahulukala ada berbunyi, ***tuntutlah ilmu sehingga ke Negeri China***, Dr Aishah turut menyahut seruan tersebut lalu meneruskan pengajian beliau di Sepanyol pula untuk Ijazah Sarjana yang kedua; *Research in Animal Sciences and Food (Major: Food Science)* di *Universidad Autonoma de Barcelona* dan tamat dengan jayanya pada 2009.

Adakah semuanya berakhir di situ?

Semestinya tidak! Dr Aishah tidak pernah terfikir untuk berhenti mengejar ilmu!

Dr Aishah tidak bertanggung lama untuk menggenggam Ijazah Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan Genetik dan Biologi Molekular dari Universiti Putra Malaysia pada 2017 yang mana beliau juga sempat mengikuti *PhD Attachment* di *Institute of Fisheries and Agricultural*, Belgium selama sebulan pada 2015. Selain itu, Dr Aishah juga telah selesai menjalani Pengajian Pasca Doktorat dalam bidang Mutasi Pembiakan (Universiti Putra Malaysia & Agensi Nuklear Malaysia) pada 2021. Pada tahun lepas juga, Dr Aishah turut merebut peluang menjalankan *Fellowship in Genomic Sequencing* bertempat di *Murdoch University*, Australia Barat. Dengan pengalaman yang seluas ini, tidak hairanlah Dr Aishah boleh berbahasa asing seperti Bahasa Sepanyol, Bahasa Perancis dan Bahasa Cina.

Selain mengajar dan menyelia pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di UiTM sebagai tugas hakiki, Dr Aishah juga turut menjadi penyelia pelajar Pasca Siswazah. Apa yang membuatkan penulis berasa terinspirasi dengan Dr Aishah, bukan sekadar pencapaian beliau dalam bidang akademik juga bukan sekadar mengagumi betapa kental semangat beliau menyusur cita-cita dalam menjadi seorang cendekiawan dalam bioteknologi, tetapi penulis turut berasa kagum dengan semangat dan jiwa beliau dalam berkongsi dan menyampaikan pula ilmu yang didalami kepada umum.



Dr Aishah ketika dalam pengajian peringkat sarjana di Sepanyol



(Kiri) Dr Aishah bersama Professor Monica Hofte dan (Kanan) bersama penyelia di Murdoch University

Sepanjang kerjaya dalam arena akademik, Dr Aishah telah melengkapkan 10 geran penyelidikan yang bernilai lebih RM350 ribu yang mana dua darinya menampilkan Dr Aishah sebagai Ketua Penyelidik. Kini, Dr Aishah memilik lapan geran penyelidikan masih aktif yang berjumlah hampir jutaan ringgit. Penulis amat yakin bahawa Dr Aishah pasti akan menyelesaikan semuanya dengan cemerlang.

“Sebagai seorang ahli akademik, beliau tidak betah untuk hanya membenamkan penemuan dalam kajian-kajian beliau dan pelajar-pelajar sekadar dalam thesis yang tersusun di atas para dan almari. Dr Aishah tekun menghabiskan masa dengan menulis dan menerbitkan makalah saintifik, yang mana kebanyakannya adalah berimpak tinggi walaupun sibuk dengan jawatan lain yang diturut disandang.”

Antaranya mandate kepercayaan yang diberikan, Dr Aishah kini memegang jawatan sebagai Koordinator Unit Penulisan dan Penerbitan UiTM Cawangan Negeri Sembilan serta Editor Pengurusan di *Malaysian Journal of Genetics*. Atas kapasiti beliau yang arif dalam penyelidikan, Dr Aishah juga pernah berkongsi wadah dan pandangan di kaca televisyen.



Dr Aishah ketika diminta memberi pandangan cendekiawan dalam Segmen Bina Negara di saluran Astro Awani

Pencapaian Dr Aishah juga tidak dapat disangsikan lagi. Terlalu banyak persidangan akademik yang pernah Dr Aishah sertai bukan sekadar dalam negara, malah beliau memerah keringat membentangkan hasil penyelidikan sehingga ke Dubai, Thailand, Indonesia, Sepanyol, Perancis, Austria dan Jepun. Orang kata, *jauh berjalan, luas pengalaman*, dan jujurnya penulis merasakan pengalaman Dr Aishah kini adalah seluas tujuh benua!


Pada usia yang masih belum menjangkau 40-an, Dr Aishah sudah menempa nama dalam bidang bioteknologi. Tergilap rapi nama Dr Aishah sebaris dengan para penyelidik tersohor seantero dunia. Apa yang penulis nukilkan ini bukanlah omong kosong, Dr Aishah telah berjaya merangkul beberapa anugerah berprestij seperti *FNCA Excellence Team Award (Mutation Breeding)* pada tahun 2020, *Outstanding Research Award, International Atomic Energy Agency (2021)*, *Winner Prize MTSF-TORAY Science Education Fund (2021)* dan Anugerah Penyelidik Terbaik UiTM CNS pada 2021.



Merakamkan kenangan dan pengalaman terindah ketika di Murdoch University

“Apa yang menjadi pemacu semangat sehingga ke tahap ini?” Penulis menyelitkan pertanyaan sambil berbual-bual santai, hati ke hati antara dua orang rakan sejawatan. Peribadi Dr Aishah masih sama seperti yang penulis kenali 12 tahun yang lalu. Masih seorang wanita moden yang ceria dan merendah diri sentiasa walaupun pencapaiannya sudah berjela-jela semenjak pertemuan kami di dalam lif ketika itu. Soalan penulis disahut dengan gelak tawa yang sinonim dengan Dr Aishah.

“Kelainan. Saya sukakan kelainan, dan akan sentiasa mencabar diri untuk mencapai kelainan dalam kejayaan itu. Itu jugalah yang sering saya pesan buat semua pelajar saya. Yang paling penting, usah mudah putus asa. Kegagalan itu sebenarnya membuka jalan kepada banyak jalan-jalan yang lain!” Ujar Dr Aishah. “Tidak perlu tunggu lama jika kita mahu mendapatkan sesuatu. Kena berazam dan terus bergerak menuju pada apa yang kita tuju. Usia yang muda bukan alasan!” Tambah Dr Aishah lagi.




Dr Aishah ketika di Belgium, sewaktu program sangkutan semasa pengajian Doktor Falsafah

Menyentuh tentang kehidupan peribadi, Dr Aishah amat menghargai segala sokongan dan kasih sayang yang tidak berpenghujung terutamanya dari seorang insan yang bergelar suami, Encik Amirul Asyraf Ismail, serta ahli keluarga dan sahabat. Tambah Dr Aishah lagi, setiap kali beliau perlu untuk ke mana-mana sahaja dalam dunia kerjaya, suami dan anak-anak tidak akan dilupakan malah merekalah yang akan sentiasa menemani dalam setiap langkah perjalanan Dr Aishah.

“Saya mahu anak-anak dan suami sentiasa ada dalam setiap pengalaman dan perjalanan saya, walau perlu pergi ke hujung dunia,” Dr Aishah menyatakan pegangannya.

“Dalam kita mengejar semua impian yang membawa kepada kejayaan, sistem sokongan yang kuat adalah elemen yang paling penting. Semua yang berjaya digapai adalah dari berkat doa mereka semua. Tanpa sokongan dan doa mereka, saya tidak mungkin berada di tahap ini. Rezeki anak-anak saya juga semestinya.” Ucap Dr Aishah yang merupakan ibu kepada tiga orang anak yang bijak dan comel ini lagi.

“Mungkin ada pesanan atau tips buat rakan-rakan di UiTM ini?” Penulis bertanya dalam bersahaja.



Dr Aishah ketika menghadiri FAO/IAEA Food Symposium



Sempat bergambar ketika membuat penyelidikan berkenaan padi



Dr Aishah (Kanan) juga gembira menjadi Zin dalam membantu rakan-rakan ke arah mencapai tubuh badan yang lebih sihat pada tahun 2023

“Pada saya, antara perkara yang perlu dititikberatkan oleh kita semua yang semakin menginjak usia ini adalah kepentingan untuk kekal aktif dan tidak sesekali mengabaikan kesihatan. Tubuh badan yang sihat adalah amanah dari Allah SWT, jika bukan kita sendiri yang mengambil tanggungjawab untuk menjaganya, siapa lagi?”

Kita perlu terus cuba untuk menjadi individu yang sihat demi keluarga dan kerjaya. Kita sihat dan cergas, lebih mudah untuk kita mengejar apa yang kita impikan.” Ujar Dr Aishah yang kini turut aktif menjadi salah seorang tenaga pengajar (Zin) Kelas Zumba untuk Wanita anjuran Pusat Pengajian Biologi UiTM Cawangan Negeri Sembilan.




Keluarga kecil Dr Aishah yang sentiasa bersama-sama dalam segalanya

Penulis juga tanpa segan-silu memberitahu Dr Aishah yang penulis dan ramai lagi rakan-rakan sejawatan yang terinspirasi dengan beliau! Penulis doakan agar Dr Aishah terus cemerlang meneroka dunia bioteknologi dan mencapai lebih banyak kejayaan. Penulis juga sempat berseloroh dengan Dr Aishah, meminta agar beliau terus-terusan menjadi seseorang yang periang, peramah, amat mudah didekati dan baik hati begini selamanya.



Dalam atau ke luar negara, keluarga sentiasa di sisi Dr Aishah

“La sonrisa nunca se fue!”



Dr Aishah selalu menasihati pelajar agar jangan mudah mengalah!

Balas Dr Aishah dalam Mutiara kata Bahasa Sepanyol. “Maksudnya senyuman kegembiraan tak akan pernah hilang!” Katanya lagi, menterjemahkan kepada Bahasa Melayu.

*Terima kasih Dr Aishah,
semangatmu mendalami
teknologi semestinya
menjadikanmu Srikandi
Teknologi Pusat Pengajian
Biologi!*